



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION



TARIKH	9 APRIL 2026 (KHAMIS)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	TENAGA NUKLEAR ALTERNATIF KURANGKAN KEBERGANTUNGAN TENAGA GLOBAL		
M/S	6 (NEGARA!)	KATA KUNCI	NUCLEAR ENERGY
BIDANG	NUCLEAR		

Tenaga nuklear alternatif kurangkan kebergantungan tenaga global

KLANG – Peralihan kepada tenaga nuklear dilihat sebagai langkah mampan untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap bekalan tenaga global.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Mohammad Yusof Apdal berkata, tenaga nuklear berpotensi menjadi alternatif selamat dan kos efektif untuk negara yang boleh menjamin bekalan tenaga masa depan.

“Sebagai negara sedang menuju status maju, kita perlu menilai kebergantungan terhadap kaedah pengeluaran tenaga sedia ada. Tentu ada keperluan untuk mengkaji kaedah lain seperti tenaga nuklear atau apa sahaja yang lain.

“Contohnya di Sabah, penggunaan gas terbukti lebih murah dan mampan berbanding diesel,” katanya di sini semalam.

Kelmarin Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dipetik berkata, Malaysia perlu mempercepat peralihan ke arah strategi tenaga jangka panjang yang lebih mampan, pelbagai dan cekap dari segi kos.

Menurut Mohammad Yusof, kajian sedang dilaksanakan di peringkat kementerian bagi

mempercepatkan peralihan kepada tenaga baharu.

“Kita sedang membuat kajian termasuk dari segi tenaga nuklear. Kajian ini ada peringkatnya kerana kita perlu pastikan ia selaras dengan pemahaman komuniti.

“Situasi kita berbeza berbanding negara maju, di mana penggunaan nuklear diterima dan difahami bukan sebagai sesuatu yang negatif.

“Di sini ramai melihatnya berbahaya walaupun impak sebenar tenaga nuklear lebih bersih dan terkawal,” jelasnya.

Ditanya mengenai usaha kerajaan Selangor yang dalam fasa memulakan pelaksanaan tenaga nuklear sebagai sumber tenaga bersih dalam tempoh lima tahun, Mohamad Yusof menjelaskan, ia bergantung kepada kemampuan negeri itu.

“Kalau seperti di Selangor, kita tidak memilih kawasan tertentu. Asalkan ia boleh diguna pakai, mengapa tidak? Apa jua peringkat atau bidang diperlukan, kita bersama mereka.

“Pendekatan perlu dibuat secara berhemah, tidak boleh dilaksanakan segera kerana boleh menimbulkan ketidaklesaan rakyat yang belum memahami sepenuhnya,” jelasnya.